



ADVISORY NOTE NO. 6/2021

PANDUAN PELAKSANAAN KURSUS PRASYARAT BAGI CALON PELAJAR BUKAN DALAM BIDANG BERDASARKAN KEPERLUAN DALAM STANDARD: IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN EDISI KEDUA

PENDAHULUAN

1. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah mengeluarkan edisi terkini Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (Standards: Master's and Doctoral Degree, SMDD) melalui Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2021 bertarikh 24 Mac 2021. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini SMDD adalah bermula pada 1 April 2021. Dokumen ini menjadi rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) serta digunakan oleh pegawai dan Ahli Panel Penilai (APP) MQA dalam proses penilaian akreditasi program.
2. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan edisi terkini SMDD dapat menghasilkan graduan program Sarjana dan Kedoktoran yang relevan dan berkualiti.
3. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakredit oleh MQA.

PELAKSANAAN KURSUS PRASYARAT BAGI CALON PELAJAR BUKAN DALAM BIDANG

4. Definisi 'kursus prasyarat' seperti yang dinyatakan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) adalah **kursus atau keperluan lain yang perlu diambil oleh pelajar sebelum mengikuti sesuatu kursus atau program.**
5. Bidang 3: Pemilihan dan Perkhidmatan Sokongan Pelajar dalam edisi terkini SMDD menyatakan keperluan bagi calon pelajar **tanpa kelayakan dalam bidang atau pengalaman kerja yang berkaitan** dan memenuhi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum yang ditetapkan untuk menjalani kursus prasyarat yang bersesuaian.

6. Kursus prasyarat bagi calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang atau pengalaman kerja yang berkaitan boleh dilaksanakan melalui kaedah berikut:
- i. Kursus prasyarat sebaiknya dilaksanakan sebelum pelajar mengikuti program Sarjana dan Kedoktoran. Walau bagaimanapun, pelajar wajib lulus kursus prasyarat tersebut sebelum dibenarkan mengikuti kursus teras berkaitan. Ketetapan ini tidak menghalang pelajar untuk mengikuti kursus lain yang tidak memerlukan keperluan kursus prasyarat tersebut.
 - ii. Kandungan kursus prasyarat perlu sekurang-kurangnya berada pada Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) serta bersesuaian dengan bidang program atau berdasarkan kepada ketetapan prasyarat yang dinyatakan dalam Standard Program berkaitan (sekiranya ada).
 - iii. Kaedah pelaksanaan dan bilangan kredit bagi kursus prasyarat tidak ditetapkan. Walau bagaimanapun, elemen penilaian perlu dilaksanakan.
 - iv. Bilangan kredit bagi kursus prasyarat boleh diambil kira bagi tujuan pengiraan jumlah kredit bergraduat.
 - v. Sekiranya calon pelajar bukan dalam bidang telah mengikuti kursus prasyarat yang berkaitan secara *micro-credentials* atau mengambil kursus yang berkaitan sebagai kursus elektif semasa pengajian di peringkat Sarjana Muda, bukti keputusan kursus tersebut boleh dikemukakan kepada PPT bagi tujuan pendaftaran ke program Sarjana dan Kedoktoran yang akan diikuti.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
24 OGOS 2021

SENARAI DOKUMEN BERKAITAN YANG BOLEH DIRUJUK:

- i. ***MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK (MQF) 2ND EDITION***
<https://www.mqa.gov.my/pv4/document/mqf/2019/Oct/updated%20MQF%20Ed%202%2024102019.pdf>

- ii. ***MALAYSIAN QUALIFICATION STATEMENT (MQS)***
<https://www2.mqa.gov.my/qad/garispanduan/GGP-Malaysia%20Qualification%20Statement.pdf>

- iii. **STANDARD: IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN (STANDARDS: MASTER'S AND DOCTORAL DEGREE)**
<https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/2021/June/Final%20MDD%202021%20-%20upload%20v3.pdf>